

Selasa, 11 Jun 2019 | 10:24am



DUA lelaki warga Indonesia ditahan pasukan Batalion Ke-10 Rejimen Renjer Diraja (RRD) selepas dipercayai cuba menyeludup keluar 68 tong gas petroleum cecair (LPG) di Tebedu Inland Port, semalam. - Foto ihsan MPTTD

## Gagal seludup tong gas

Oleh Garret Dawum  
garret@bh.com.my

**SERIAN:** Hasrat dua lelaki warga Indonesia untuk menyeludup keluar 68 tong gas petroleum cecair (LPG) gagal apabila ditahan pasukan Batalion Ke-10 Rejimen Renjer Diraja (RRD) di Tebedu Inland Port, di sini, semalam.

Dalam kejadian 7.45 pagi itu, kedua-dua suspek berusia 31 dan 34 tahun dipercayai cuba menyeludup barang kawalan itu ke Indonesia.

Ketua Kompeni C 10 RRD, Kapten Jorani Dawum, berkata lima anggota yang sedang membuat rondaan Operasi Awas terserempak dengan tiga van di lokasi yang terletak 600 meter dari sempadan Malaysia dan Indonesia.

"Anggota melihat beberapa individu sedang melakukan kerja memindahkan tong gas. Curiga dengan perbuatan itu, anggota terus menghampiri ketiga-tiga van."

"Namun, dua van dipandu laju ke arah Indonesia selepas menyedari kehadiran pihak berkuasa. Kedua-dua suspek yang tidak sempat melarikan diri ditahan bersama van yang penuh dengan tong gas," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata pemeriksaan mendapati suspek membawa tong gas bersubsidi tanpa sebarang dokumen kebenaran atau lesen daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Bagaimanapun, katanya, pemeriksaan lanjut mendapati dua warga Indonesia yang juga pemandu dan kelindan, mempunyai dokumen dan pengenalan diri yang sah.

"Kedua-dua suspek bersama van Toyota Hiace dan 68 tong gas seberat 14 kilogram setiap satu diserahkan kepada KPDNHEP untuk tindakan lanjut."

"Laporan polis juga sudah dibuat di Balai Polis Tebedu dan rampasan dianggarkan bernilai RM37,000," katanya.